

Hasil sentuhan insan istimewa

Kira-kira 1,200 beg dibuat oleh pelatih PDK telah terjual

NOOR HAYATI BINI MAMAT

Melihat warna-warni pelbagai bentuk beg keluaran Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Mutiara Kasih, Kampung Bukit Diman, di sini, mungkin ada di antara kita tidak menyangka ia hasil sentuhan insan istimewa bergelar orang kurang upaya (OKU).

Di sebalik kekurangan diri, itulah hakikat dibuktikan empat pelatih PDK berkenaan iaitu Abuza Al-Ghafari Abdullah, 27; Zuraidah Ahmad, 24; Nurul Izdihar Najihah Mamat, 22, dan Mohd Amirul Izhah Che Wel, 22, dengan tunjuk ajar penyelia serta pembantu PDK.

Malah, biarpun baru menghasilkan sepenuhnya beg berasaskan kain kapas dan bank bermula April lalu, namun sehingga kini kira-kira 1,200 beg pelbagai saiz telah dapat dijual dengan harga antara RM3 hingga RM35 sebijl.

Hasilkan pelbagai jenis beg

Berkongs cerita, Penyelia PDK Mutiara Kasih, Norzi Mohd, 32, berkata, projek jahitan beg itu bermula sekitar tahun lepas setelah PDK berkenaan terpilih menerima geran bernilai RM18,000 bagi Program Pemerkasaan Ekonomi (EEP) daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).


"Tiga bulan pertama iaitu Januari hingga Mac, kami tumpukan pada memberi

kemahiran kepada pelatih tentang cara-cara hasilkan beg. Pada April barulah projek ini berjalan sepenuhnya dan sekarang ini enam jenis beg dapat dihasilkan.

"Kesemua empat pelatih ini OKU kategori masalah pembelajaran. Setiap seorang punyai tugas fokus masing-masing iaitu Abuza (memotong), Nurul Izdihar



NORZI



Abuza tekun menjalankan kerja-kerja pemotongan iaitu proses awal bagi menghasilkan beg.



Antara beg dihasilkan empat pelatih PDK Mutiara Kasih dengan tunjuk ajar penyelia serta pembantu PDK.



Zuraidah menggosok kain yang digunakan untuk membuat beg.

Najihah dan Mohd Amirul Izhah menjahit serta Zuraidah bagi kerja-kerja menggosok," katanya.

Menurutnya, jumlah beg dihasilkan setiap hari tidak tetap tetapi pihaknya akan memastikan stok beg yang dikeluarkan sentiasa ada.

"Antara jenis beg dihasilkan

iaitu beg serbaguna, beg duit syiling, beg alat solek serta bekas pensel dan harganya pula bergantung kepada saiz.

"Sebagai salah satu bentuk promosi, pihaknya turut menjahit label keluaran di setiap beg yang dihasilkan. Beg serbaguna mampu tahan berat lebih kurang sehingga

tiga kilogram dan kita bercadang untuk hasilkan beg mempunyai poket pula selepas ini," katanya.

Bantu beri sumber pendapatan

Menyentuh mengenai jualan produk, Norzi berkata, pasaran beg keluaran PDK Mutiara Kasih itu dijual melalui pameran jabatan termasuk sewaktu Pekan Budaya serta kios dan selain tempahan persendirian bagi dijadikan sebagai cenderahati.

Tambahnya, pihaknya bersedia menerima tempahan daripada mana-mana pihak dan hasil jualan beg tersebut secara tidak langsung dapat memberi sumber pendapatan kepada para pelatih dan PDK berkenaan.

"Melalui projek jahitan seumpama ini, ia memberi peluang kepada golongan ini membuktikan kemampuan kerana di sebalik kekurangan diri, mereka sebenarnya mempunyai pelbagai kelebihan. Lebih penting, beri ruang serta tunjuk ajar," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Norzi berkata, PDK tersebut mempunyai seramai 23 pelatih berusia antara tiga hingga 42 tahun dan mula divujudkan Julai 2004.

"Namun ketika itu kita beroperasi di Kampung Machang sebelum berpindah ke Kampung Bukit Diman pada 2009," katanya.

Sementara itu, Pegawai Kebajikan Daerah Hulu Terengganu, Azmy Adenan berkata, EEP dilaksanakan seluruh Malaysia bertujuan bagi menjana pendapatan PDK dan selain galakan pelatih berdiskari serta jana ekonomi melalui cara luar biasa.

"Kita harap masyarakat dapat menyokong produk dihasilkan pelatih di setiap PDK.

"Daerah ini mempunyai tujuh PDK dan kita sentiasa sokong penuh usaha dilaksanakan PDK ini," katanya.

Difahamkan, PDK Kuala Berang keluaran produk sejuk beku.



Pelatih memegang produk beg keluaran PDK Mutiara Kasih, Kampung Bukit Diman.